

By : TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HJ. HASSAN
KETUA SETIAUSAHA NEGARA
Venue : DEWAN MELATI PERBADANAN PUTRAJAYA
Date : 08/01/2009
Title : MAJLIS PELANCARAN KAD KEAHLIAN "ENRICH-GOM"

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Y. Bhg. Tan Sri Dr Munir Abdul Majid, Pengerusi Malaysia Airlines

Y. Bhg. Dato' Sri Idris Jala Pengarah Urusan, Malaysia Airlines

Y. Bhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato-Dato, Pegawai-Pegawai Kerajaan yang hadir

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin Nya Majlis Pelancaran Kad Keahlian "Enrich-GOM" ini dapat diadakan. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Malaysia Airlines atas jemputan bagi saya merasmikan Majlis pada petang ini. Sebagaimana saudara-saudari sedia maklum, kad keahlian "ENRICH-GOM" ini adalah khusus untuk kemudahan serta kegunaan kakitangan Kerajaan seluruh negara yang menggunakan perkhidmatan Malaysia Airlines. Dalam hubungan ini, Kerajaan Malaysia menghargai inisiatif Malaysia Airlines yang sentiasa berusaha untuk menambahbaik taraf perkhidmatan, bukan hanya kepada kakitangan Kerajaan bahkan juga kepada pelanggan-pelanggan lain amnya.

Saudara-saudari yang dihormati sekalian,

3. Kejayaan Malaysia Airlines adalah juga kejayaan bagi Kerajaan, kerana Malaysia Airlines adalah merupakan GLC atau Government Link Company. Oleh itu, Kerajaan akan memberi sokongan padu kepada usaha-usaha bagi mempromosikan kemudahan yang disediakan oleh Malaysia Airlines, khususnya kepada kakitangan Kerajaan.

4. Kerajaan Malaysia adalah juga penyumbang terbesar kepada hasil syarikat ini, dan bagi menghargainya Malaysia Airlines telah memperkenalkan Kad keahlian "Enrich-GOM" ini, bagi mempermudah proses perjalanan kakitangan kerajaan ketika berurusan dengan Malaysia Airlines, sama ada untuk tugas-tugas rasmi, mahupun urusan peribadi. Sebagaimana diketahui, kad "Enrich-GOM" ini disediakan secara percuma kepada mereka yang berminat.

5. Terdapat beberapa kelebihan pada kad khas ini berbanding kad Enrich biasa. Antaranya ialah keutamaan pengesahan tempat duduk, keutamaan terima bagasi sewaktu ketibaan, keutamaan senarai menanti di kaunter periksa masuk dan beberapa kelebihan lain yang tidak terdapat pada kad Enrich yang biasa. Saya difahamkan kakitangan Kerajaan yang telah mempunyai kad Enrich biasa boleh dinaiktaraf kepada kad "Enrich-GOM" ini, dengan mudah tanpa melibatkan sebarang pembayaran. Sehubungan itu, saya ingin menggalakkan kakitangan Kerajaan untuk memiliki kad "Enrich-GOM" ini kerana kelebihannya.

Saudara-saudari yang dihormati sekalian,

6. Akhir kata, saya mengucapkan syabas kepada Malaysia Airlines atas daya usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada para pelanggannya, termasuk kakitangan kerajaan melalui kad "Enrich-GOM" ini. Usaha-usaha seumpama ini amat dialu-alukan, dan pihak Kerajaan akan memberi sokongan yang sewajarnya.

7. Dengan itu, serta dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya merasmikan pelancaran kad keahlian "Enrich-GOM" Malaysia Airlines.

Sekian,

Wabillahittaufiq walhidayah Wasallamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.